

~~263~~  
~~31/79~~

39

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI/  
MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN,  
DATUK HUSSEIN ONN DI MESYUARAT PERASMIAN  
PENUBUNGAN MAJLIS PENASIHAT PELINDUNG  
PENGGUNA-PENGGUNA KEBANGSAAN DI BILIK  
GERAKAN, KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN  
PERINDUSTRIAN, WISMA DAMANSARA, KUALA  
LUMPUR, PADA HARI SABTU 16HB FEBRUARI,  
1974, PUKUL 10.00 PAGI.

Tuan Pengerusi,

Saudara-saudara sekalian,

1. Saya amat sukacita kerana dapat berjumpa dengan saudara saudari sekalian pada pagi ini. Peluang ini dapat memberi kesempatan bagi saya untuk menyatakan hal-hal yang berkaitan dengan perkembangan di negara kita, khasnya mengenai inflasi.

2. Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan seperti yang saudara saudari sekalian sedia maklum, telah ditubuhkan kira-kira lapan bulan yang lalu dan hari ini ialah mesyuaratnya yang ketiga. Saya diberitahu bahawa ketiga-tiga Panel Majlis ini telah kerap mengadakan mesyuarat. Semenjak saya dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan

Perindustrian, saya telah mengikuti kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Majlis terutama sekali melalui Panel-Panelnya, walaupun saya tidak mendapat peluang berjumpa dengan setengah daripada anggota Majlis. Saya mengucapkan terimakasih kepada saudara saudari sekalian yang telah melapangkan masa untuk menghadiri mesyuarat Majlis dan Panel walaupun saudara saudari sekalian sebak dengan urusan persendirian yang lain.

3. Negara kita sekarang dijangkiti oleh masalah inflasi. Inflasi dan kenaikan harga yang dihadapi sekarang di negara ini adalah satu masalah yang "serious". Masalah ini bukan sahaja dipandang berat oleh Kerajaan, bahkan juga oleh semua rakyat Malaysia.

Ekonomi negara tidak pernah di masa yang lalu menghadapi kadar inflasi dan kadar kenaikan harga yang sebegitu tinggi. Pengguna-pengguna sukar menerima hakikat ini terutama sekali oleh kerana negara kita telah menikmati kesetabilan harga yang mengagumkan dunia begitu lama sekali. Dalam tahun-tahun enam puluhan, Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna telah meningkat hanya pada kadar 1% sahaja setiap tahun. Bagaimanapun keadaan hari ini amatlah membimbangkan dan memerlukan perhatian dan tindakan yang segera. Ini satu kenyataan yang kita hadapi.

4. Bagaimanapun saya haruslah menyatakan di sini bahawa negara kita bukanlah satu-satunya sahaja negara di dunia ini yang menghadapi masalah inflasi.

Sebenarnya inflasi telah menjejaskan seluruh dunia yang lebih "serious" dan dalam hal ini kita nampaknya lebih bernasib baik jika dibanding dengan kadar inflasi yang telah menjejaskan negara-negara lain. Ini tidak bermakna kita harus berdiam diri walaupun keadaan inflasi di negara kita tidak seburuk dengan keadaan di negara-negara lain. Kita tidak harus membenarkan keadaan ini berleluasa tanpa sebarang usaha untuk mengawalinya.

5. Dalam menghuraikan secara ringkas sebab-sebab yang menimbulkan inflasi, kita hendaklah memahami bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai sistem ekonomi yang terbuka. Dari itu tidak dapat mengasingkan dirinya dari keadaan yang berlaku di luar negara ini.

Ini tidaklah bermakna bahawa inflasi yang diimpot merupai satu-satunya sahaja faktor yang menyebabkan kenaikan harga barang-barang di negara kita. Bagaimanapun, apabila kita menerima hakikat bahawa impot barang-barang merupai gejala yang penting dalam kegiatan ekonomi negara, kita tidak dapatlah menafikan bahawa inflasi di negara-negara lain di dunia ini menjejaskan ekonomi kita melalui kenaikan harga barang-barang yang diimpot itu.

Kedadaan ini telah menjadi lebih buruk akibat kekurangan bahan-bahan makanan di dunia dan juga akibat kekurangan barang-barang mentah yang perlu bagi kegunaan kita seperti besi waja, bahan-bahan industri plastik, kertas dan lain-lain. Baru-baru ini pula telah timbul krisis minyak yang telah menyebabkan harga barang-barang yang diimpot bertambah

naik lagi akibat kos pengeluaran yang lebih tinggi di negara-negara pengeksport dan juga kesukaran mendapat kemudahan perkapalan serta kesukaran mendapat minyak bagi kapal-kapal. Di dalam negeri pula, bekalan wang dalam pengedaran telah bertambah, tambahan perbelanjaan oleh pihak Kerajaan dan pihak swasta, kekurangan bekalan beberapa jenis barang yang menjadi lebih buruk oleh kerana daya pengeluaran yang terhad dan sistem pengedaran yang tidak memuaskan. Semuanya ini telahpun sedikit sebanyak, menyebabkan kenaikan harga. Keadaan ini diburukkan lagi oleh perbuatan mencari keuntungan yang lebih dari biasa oleh peniaga-peniaga, penyorokan dan juga kegiatan spekulasi.

6. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kemaraan inflasi dan kenaikan harga. Saya beranilah menegaskan di sini bahawa adalah mustahil bagi mana-mana negara atau mana-mana Kerajaan pun untuk menyekat sama sekali kemaraan inflasi dan kenaikan harga. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah membenarkan matawang Malaysia mencari tingkatannya yang sebenar berbanding dengan matawang-matawang yang lain di dunia ini, menghapuskan sementara beberapa cukai dan kawalan impot, mengurangkan dan juga menghapuskan beberapa cukai eksais serta mengadakan subsidi atau bantuan bagi beras yang diimpot. Selain dari itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan tegas untuk menyekat perbuatan mencari keuntungan yang berlebihan dari biasa dan

juga menyekat perbuatan menyorok beberapa jenis barang keperluan. Langkah tersebut ialah untuk menjamin supaya pengguna-pengguna dapat membeli barang-barang tersebut seperti pada masa-masa yang lalu.

7. Kerajaan juga sedang giat menggalak pengeluaran berbagai jenis barang terutama makanan untuk membaiki keadaan bekalan supaya kita tidak terlalu bergantung kepada impot. Kilang-kilang tempatan terutama sekali kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan binaan diberi galakan dan bantuan untuk meluaskan daya pengeluaran supaya mereka dapat memuaskan permintaan dalam negeri yang kian meningkat.

Saudara-saudara,

8. Saya mengakui bahawa lebih banyak lagi usaha harus dijalankan dan pihak Kerajaan, terutama sekali Kementerian saya, sedang mengikuti dengan teliti segala perkembangan. Pada ketika kita menghadapi kekurangan beberapa jenis bahan mentah yang diperlukan seperti sekarang, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Perdagangan kita di seberang laut telah diarah supaya mencari sumber-sumber bekalan yang baru untuk membantu perusahaan-perusahaan dalam negeri. Baru-baru ini usaha-usaha telah dijalankan oleh mereka untuk mencari bekalan kertas, bahan mentah bagi perusahaan plastik dan juga besi. Kita akan terus berusaha dan berikhtiar demi kepentingan negara dan juga pengguna-pengguna keseluruhannya.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa jentera Kerajaan akan terus berusaha mencari jalan mengurangkan kadar kenaikan harga dan perbelanjaan hidup. Kita harap akan berjaya.

9. Saya yakin bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-Pengguna Kebangsaan ini dapat menasihatkan Kementerian ini mengenai cara mengatasi masalah-masalah inflasi secara jangka panjang. Ini ialah oleh kerana anggota-anggota Majlis terdiri dari mereka yang datang dari berbagai sektor kegiatan ekonomi dan juga dari berbagai pertubuhan. Janganlah menjadikan masalah ini sebagai usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sahaja. Setakat inipun Majlis ini telahpun membuat beberapa perakuan kepada Kementerian dan

saya diberitahu beberapa perakuan lain akan dibincangkan dalam mesyuarat hari ini. Setakat ini, pada pandangan saya, satu perakuan yang penting dan sangat berguna ialah pindaan kepada Akta Kawalan Harga 1946. Sukacita saya maklumkan bahawa cadangan Majlis supaya mengadakan tanda harga, meliputi pengimpot, pemborong, peruncit dan juga pengilang ke atas barang kawalan, telah diluluskan oleh Parlimen.

Saudara-saudara,

10. Satu perkara yang dibangkitkan baru-baru ini ialah mengenai kenaikan dua jenis bahan penting, iaitu gula dan tepung gandum. Disamping kenaikan harga ini, terdapat pula desakan dan teguran mengapa Kerajaan tidak menampung kenaikan itu, atau dengan

lebih tegas memberi subsidi. Inginlah saya memberi penjelasan supaya rakyat dapat memahami akan kedudukan hal ini dan di samping itu, mengetahui akan implikasinya.

Pertama, mengenai gula - harga gula pasir baru-baru ini telah dinaikkan sebanyak \$82.00 satu tan di peringkat borong, iaitu daripada \$690.00 kepada \$772.00 satu tan atau sebanyak 5 sen satu kati di peringkat runcit iaitu daripada 45 sen kepada 50 sen satu kati. Kenaikan harga gula pasir yang dikuatkuasakan pada 25hb Januari, 1974 adalah disebabkan oleh kenaikan harga gula mentah di pasaran dunia. Harga mulai meningkat semenjak tahun 1971 sebanyak \$308.87 satu tan.

Harga ini telah meningkat kepada \$485.75 sen satu tan pada tahun 1972 dan bagi tahun 1973 pula, naik \$556.08 sen satu tan. Pada masa ini harga gula mentah di pasaran dunia adalah dalam lingkungan \$1,120.00 satu tan.

Sungguhpun terdapat perusahaan gula dalam negeri seperti yang ada di Perlis dan Perak, akan tetapi jumlah pengeluaran hanya mencukupi lebih kurang 10% sahaja daripada keperluan tempatan.

Gula adalah diistiharkan barang kawalan dan sebarang kenaikan harga mestilah terlebih dahulu diluluskan oleh Kerajaan. Kenaikan harga baru-baru ini telah diluluskan dan Kerajaan berpuas hati dengan sebab-sebab kenaikan itu.

Pihak perusahaan telah meminta kenaikan harga sebanyak 15 sen satu kati, tetapi hanya dibenarkan sebanyak 5 sen sahaja.

Kerajaan telah mengarah perusahaan supaya memikul sebahagian daripada beban itu dan jumlah yang dipikul ialah \$13.38 sen satu tan yang mana telah mengurangkan keuntungan perusahaan sebanyak 65%.

Pihak Kerajaan juga telah memikul beban dengan mengecualikan cukai eksais ke atas gula sebanyak \$153.82 sen satu tan di Semenanjung Malaysia dan mengecualikan cukai impot sebanyak \$129.80 sen bagi Sabah dan Sarawak. Dengan memberi pengecualian cukai itu, Kerajaan telah kehilangan pendapatan sebanyak \$4.49 juta bagi tiap-tiap bulan.

Sebagai bandingan pada tahun 1973 pihak Kerajaan telah memikul sebanyak \$80.68 sen tiap-tiap tan dan pihak perusahaan telah juga memikul sebanyak \$10.00 pada satu tan. Tanpa langkah-langkah ini, harga gula sepatutnya ialah 60 sen satu kati.

Kedua, mengenai tepung - harga tepung gandum telah dinaikkan baru-baru ini sebanyak \$3.75¢ bagi satu kampak (50 paun), atau 10¢ bagi satu kati. Dengan kenaikan harga ini harga runcit tepung gandum menjadi 40¢ satu kati. Kenaikan harga tepung gandum disebabkan oleh kenaikan harga biji gandum di pasaran dunia. Harga biji gandum telah mulai meningkat semenjak bulan Julai 1972 dan kenaikan harga itu adalah teruk lagi dalam tahun 1973.

Pada bulan Julai 1972, harga biji gandum ialah \$190 satu tan. Pada bulan Ogos 1973 harganya naik menjadi \$340 satu tan. Pada masa ini harga biji gandum di pasaran dunia, adalah dalam lingkungan \$500.00 satu tan. Bagi menampung kenaikan ini, pihak perusahaan telah meminta kenaikan harga sebanyak 20¢ tetapi Kerajaan hanya membenarkan kenaikan harga sebanyak 10¢ bagi tiap-tiap satu kati supaya mengurangkan bebanan ke atas rakyat jelata. Kerajaan telah mengarah perusahaan supaya turut memikul sebahagian daripada kenaikan itu dan jumlah yang dipikul ialah 9¢ pada tiap-tiap kati. Kerajaan pula telah memikul beban sebanyak 1¢ pada tiap-tiap kati dengan mengecualikan cukai yang dikenakan ke atas biji gandum yang diimpot.

Tanpa langkah-langkah ini harga tepung gandum sepatutnya ialah 50¢ satu kati.

13. Berikutan dengan kenaikan ini, saya sedar tentang adanya perasaan tidak puashati dan kemuskilan di kalangan anggota Majlis Penasihat berhubung dengan kenaikan harga yang telah dipersetujui oleh Kerajaan itu. Saya mengakui Majlis ini tidak diminta pendapatnya apabila kelulusan itu dipertimbangkan. Saya faham mengenai rasa tidak puashati dan kemuskilan saudara, memandang bahawa saudara adalah anggota sebuah Majlis melindungi kepentingan pengguna.

Tetapi, sebaliknya saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian tidak berniat hendak menggunakan Majlis ini sebagai "rubber stamp" bagi sebarang perakuan kenaikan harga yang dibuat oleh Kementerian. Malangnya, walaupun Majlis ini telah ditubuhkan serta telah menjalankan kerjanya, Majlis ini belum lagi mempunyai kedudukan yang resmi di sisi undang-undang. Lagipula, tugas utama Majlis ialah untuk menasihatkan Kerajaan mengenai dasar-dasar jangka panjang kepentingan pengguna dan bukanlah disifatkan sebagai badan melaksanakan dasar-dasar yang ditentukan dari masa ke semasa.

12. Pada masa ini, setengah perusahaan adalah tertakluk kepada syarat mendapatkan persetujuan Kerajaan dahulu sebelum menaikkan

harga barang keluaran mereka. Kebanyakan barang-barang ini ialah barang keperluan penting kepada pengguna samada jenis makanan atau sebagainya. Dan ada di antara barang-barang yang diwartakan sebagai barang kawalan yang tidak memerlukan persetujuan demikian. Ini bermakna bukanlah semua barang yang diwartakan sebagai barang kawalan tertakluk kepada syarat mendapatkan kelulusan dahulu sebelum menaikkan harga. Tugas untuk memproses dan meneliti sebarang permohonan menaikkan harga bagi barang yang tertakluk oleh syarat tersebut terletak kepada Jawatan kuasa Ulangkaji Harga yang bertanggungjawab kepada saya sendiri sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Oleh sebab itu, adalah mustahil bagi Kerajaan untuk meminta Majlis menimbangkan perkara tersebut.

Seperti yang saudara sedia maklum, sebarang pertimbangan permintaan menaikkan harga harus dijalankan secara rahsia oleh kerana setengah-setengah bahan tersebut bersifat terlalu sensitif. Jika diketahui terlebih dahulu bahawa permintaan menaikkan harga sedang ditimbangkan, barang-barang tersebut pasti akan disorokkan dan dinaikkan harganya oleh para penjual di berbagai peringkat. Lagipun, kajian itu terpaksa dijalankan dengan rapi dan cepat. Oleh itu, bilangan anggota Jawatankuasa Ulangkaji Harga itu adalah terhad. Dan dalam menimbang sebarang kenaikan harga, Jawatankuasa tersebut telah diarah menjalankan penelitian yang mendalam dari semua segi, iaitu pengeluar dan pengguna serta implikasinya ke atas pengeluar, pengguna atau rakyat dan Kerajaan.

Walau bagaimanapun, untuk memberi peluang kepada pengguna-pengguna, saya akan menimbang supaya Majlis ini diberi kesempatan diwakili dalam Jawatankuasa Ulangkaji Harga tersebut.


13. Pada masa ini, Pejabat Urusetia bagi Majlis belum mempunyai kakitangannya sendiri, dan tugas-tugas Pejabat Urusetia ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian, sebagai tambahan kepada tugas mereka. Akan tetapi, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan peruntukan sepuluh orang pegawai bagi Urusetia Majlis ini. Apabila sahaja pegawai-pegawai ini diambil, Majlis akan mempunyai kakitangan tetap bagi menjalankan tugas-tugasnya.

Walaupun bagaimanapun, Pejabat Urusetia telah berjaya menyediakan beberapa kertas kerja dan saya harap kertas kerja itu dibincangkan dengan teliti. Saya juga berharap anggota Majlis akan memberi "contribution" mereka yang berguna memandangkan Majlis ini dianggotai oleh mereka yang pakar dalam beberapa bidang. Selain dari itu, adalah diharapkan Majlis ini akan mengambil penuh kesempatan dan kerjasama dari pertubuhan-pertubuhan lain seperti Universiti yang mungkin boleh, ataupun telah menjalankan kajian, yang ada hubungannya dengan kerja-kerja Majlis ini kerana mereka mempunyai kemudahan berbuat demikian. Dengan itu dapatlah Majlis membuat pertimbangan yang objektif, pandangan yang luas atau "outward looking" dan realistik.

14. Akhir kata, dengan harapan dan penjelasan ini, saya ingin menjemput saudara-saudari sekalian memberikan pendapat-pendapat mengenai perkara-perkara yang difikirkan penting untuk dibincangkan bersama hari ini.

Terimakasih.

---





No Siri ..... 587  
No Penerimaan ..... 97/79